

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA MPSP
SAMBUTAN PERAYAAN HARI MAJLIS YANG KE-38 / 2012
17 JULAI 2012 (SELASA)
AUDITORIUM, IBU PEJABAT MPSP**

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis

.....

Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan
Pengurusan Lalulintas

Yang Berhormat Ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri

Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen & Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri

Yang Dihormati Tuan-tuan dan Puan-puan Ahli Majlis MPSP

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud
Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan

Pengerusi dan Wakil-wakil JKKK, Persatuan Penduduk, Kawasan Rukun
Tetangga

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian.

.....

Assalamualaikum wbth, salam sejahtera dan selamat pagi

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Ilahi kerana limpah kurniaNya, maka dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi yang mulia ini.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi MMK Kerajaan Tempatan & Pengurusan Lalulintas, Yang Berbahagia Dato'- Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang hadir pada hari ini, untuk bersama-sama dengan kami sempena dengan Sambutan Perayaan Hari Majlis yang Ke-38 / 2012 dan juga Sambutan Hari Kualiti.

Yang Berhormat, Y.Bhg. Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

Sambutan Perayaan Hari Majlis dan Hari Kualiti ini, adalah merupakan suatu acara tahunan dalam kalendar Majlis untuk melihat kemajuan-kemajuan yang telah dicapai. Program ini diadakan untuk memperkukuh dan memperbaharui komitmen serta dedikasi kakitangan MPSP ke arah peningkatan kualiti dan produktiviti. Tujuan Majlis ini juga diadakan untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada kakitangan yang berjaya melaksanakan usaha-usaha peningkatan penyampaian perkhidmatan dan penerapan inovasi dan kreativiti. Penghargaan juga turut diberikan kepada

individu dan pertubuhan yang aktif bekerjasama dengan MPSP pada pagi ini.

Melalui Sambutan Perayaan Hari Majlis ini, menunjukkan tanda kerjasama yang berterusan dan kukuh di kalangan kakitangan, agensi-agensi kerajaan dan komuniti erat terjalin bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian oleh MPSP. Program ini juga akan mengeratkan lagi persefahaman dan hormat-menghormati di antara satu sama lain melalui perhubungan yang bersepadu untuk mewujudkan sistem penyampaian perkhidmatan berkesan.

Tema tahun 2012 ialah “Kemampuan Adalah Komitmen Kami”. Justeru, pihak MPSP akan mengekal dan meningkatkan lagi mutu perkhidmatan Majlis.

Yang Berhormat, Y.Bhg. Dato’-Dato’, Tuan-tuan dan Puan-puan,

Sempena Perayaan Hari Majlis Ke-38 / 2012 ini, tidak lupa juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis-Ahli Majlis MPSP kerana banyak membantu, dalam membuat dasar, merancang dan mengawasi pelaksanaan program pembangunan serta memberikan idea-idea yang bernas untuk meningkatkan mutu perkhidmatan MPSP. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua

kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai kerana pencapaian-pencapaian cemerlang yang telah dicapai pada tahun ini seperti :

- Penerimaan anugerah “Outstanding Contribution Towards Sustainability” daripada Pertubuhan Juruukur DiRaja Malaysia pada 23 Jun 2012.
- Berjaya memperolehi Persijilan semula MS ISO 14001 : 2004 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
- Berjaya mendapat Penarafan 4 Bintang dalam Penilaian Sistem *Star Rating* oleh KPKT

Yang Berhormat, Tuan-tuan & Puan-puan sekalian,

Perayaan Hari Majlis ini disambut pada bulan Julai setiap tahun. Sambutan pada tahun ini telah dimulakan dengan Majlis Memperbaharui Ikrar Kakitangan MPSP dan Ikrar Kualiti pada 11 Julai yang lalu.

Sempena dengan sambutan Hari Majlis, pelbagai program telah diadakan pada minggu lepas seperti :

- 13 Julai 2012 (Jumaat)
Forum Perdana Hal Ehwal Islam bertajuk : Hidup Berkualiti Teras Kejayaan Ummah

- 14 Julai 2012 (Sabtu)

Penganjuran Kejohanan Sukan futsal padang, tarik tali dan bola jaring

- 15 Julai 2012 (Ahad)

Program Senamrobik bersama MPSP

Pada pagi ini, MPSP telah menjemput Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow untuk merasmikan Perayaan Hari Majlis Ke-38 / 2012 dan seterusnya melancarkan Laporan Pertengahan Tahun Pelaksanaan Fokus MPSP 2012 & Risalah MPSP, sebentar nanti.

Selain itu, program yang akan diadakan pada hari ini adalah ;

- Penyampaian plak “Outstanding Contribution Towards Sustainability”
- Penyampaian sijil-sijil Program Kualiti
- Penyampaian sijil dan insentif kepada Pekerja Contoh
- Penyampaian Hadiah Taman Bersih
- Penganugerah Sijil Penghargaan kepada Individu & Pertubuhan yang aktif bekerjasama dengan MPSP
- Program Penanaman Pokok di perkarangan letak kenderaan MPSP
- Turut diadakan program Pemeriksaan Kesihatan, Pertandingan Q-Hunt dan juga Pengurangan Tawaran Kompaun RM 15 yang akan diadakan di Kaunter Berpusat, Ibu Pejabat MPSP bermula pada hari ini, 17 Julai sehingga 20 Julai 2012.

Pelancaran Laporan Pertengahan Tahun Pelaksanaan Fokus MPSP

2012 adalah untuk memastikan setiap program-program yang dirancang dalam Pelan Tindakan pada awal tahun 2012 berada pada landasan yang tepat dan tidak terpesong daripada tujuan asal. Seperti yang kita semua sedia maklum, terdapat 7 Fokus yang dibentuk iaitu:

- Fokus 1 : Pembersihan dan Kehijauan
- Fokus 2 : Mewujudkan Eko-Komuniti
- Fokus 3 : Perancangan dan Pembangunan
- Fokus 4 : Penguatkuasaan
- Fokus 5 : Peningkatan Hasil dan Penjimatan Kos
- Fokus 6 : Penyertaan Komuniti Dalam Pengurusan Fiskal
- Fokus 7 : Pembinaan Kapasiti Modal Insan

Fokus MPSP 2012 telah dibentuk bagi menambah baik sistem penyampaian MPSP selain daripada tugas harian, ke arah memenuhi aspirasi dan harapan rakyat yang sentiasa meningkat. Untuk memastikan Fokus MPSP ini dicapai dengan jaya, peranan kakitangan MPSP amat penting dalam memberikan maklumbalas yang tepat kepada stakeholders.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, pada tahun ini **Anugerah Kualiti** juga dipertandingkan sempena dengan Bulan Kualiti dan Bulan Sambutan Perayaan Hari Majlis. Budaya kualiti perlu diterapkan di kalangan semua

kakitangan MPSP melalui beberapa program kualiti yang telah dilaksanakan sebelum ini, termasuklah pelaksanaan QE, iaitu Amalan Persekitaran Berkualiti. Keadaan persekitaran kerja yang selesa dan teratur akan memudahkan pengesanan maklumat dan fail yang akan mempercepatkan proses kerja setiap kakitangan. Justeru, untuk meningkatkan motivasi serta semangat kerja berkumpulan di kalangan kakitangan, MPSP juga mengadakan pertandingan Zon Terbaik amalan QE bagi menobatkan jabatan yang didapati mempunyai amalan QE yang cemerlang.

Pada tahun lepas, MPSP telah melancarkan **Program Taman Bersih**. Tujuan pelancaran Taman Bersih adalah untuk meningkatkan kesedaran pembersihan melalui penglibatan komuniti. Pada tahun ini, sebanyak 3 buah taman perumahan yang telah dipilih dimana taman-taman ini telah mendapat markah 80 ke atas dan memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh MPSP iaitu:

- a) Pemotongan rumput
- b) Pembersihan longkang
- c) Pungutan sampah
- d) Pemangkasan pokok
- e) Pembersihan Jalan
- f) Penglibatan penduduk
- g) Pemantauan/penglibatan komuniti
- h) Penglibatan kontraktor/pekerja majlis
- i) Prestasi Pembantu Kesihatan Awam

Saya berharap wakil-wakil taman perumahan yang menang akan mengekal dan meningkat keindahan dan kebersihan taman mereka.

Bagi menghargai sumbangan dan kerjasama aktif yang diberikan individu-individu dan pertubuhan dalam program MPSP seperti, program pengkomposan di pasar, Senamrobik Bersama MPSP, MPSP Green Ride, MPSP Green Run, Bola Sepak Piala Green MPSP, Program LA 21, dan MPSP Watch serta Pasukan Rumah Pam, sijil-sijil dan cenderamata akan diberikan sebagai tanda penghargaan dan terima kasih kepada mereka.

Program Penanaman Pokok di perkarangan letak kereta MPSP bersama kakitangan untuk tujuan pengindahan dan penghijauan kawasan Ibu Pejabat MPSP dimana ia juga selaras dengan inisiatif Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai “Negeri Hijau” dan motto “Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang”. Selain itu, tujuan program ini juga adalah untuk memupuk minat, kesedaran dan penghayatan terhadap alam sekitar. Melalui program ini juga, ia dapat memperkukuhkan hubungan antara kakitangan dan mendidik mereka tentang kepentingan *biodiversity* dan bagaimana tindakan manusia boleh mempengaruhi alam sekitar di sekeliling.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang memberi sokongan ke

atas pembangunan yang dilakukan di Seberang Perai. Untuk makluman umum semua, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM 10 juta untuk tujuan menaiktaraf dan membina semula pasar-pasar awam di Seberang Perai. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga memperuntukan RM 20 juta untuk pembelian kenderaan bagi melaksanakan Pembersihan Bersepadu.

Pembersihan Bersepadu ini menyatukan tugas-tugas kontrak pembersihan awam dan perkhidmatan pembuangan sampah. Melalui Pembersihan Bersepadu ini, yang akan dilaksanakan secara menyeluruh di Seberang Perai pada tahun 2013, kerja-kerja akan dapat dijalankan dengan lebih sistematik dan mudah dibuat pemantauan.

Secara umumnya, tanggungjawab menjaga kebersihan selalunya dianggap sebagai tugas pihak berkuasa tempatan (PBT). Pandangan ini adalah tidak begitu tepat. Tidak ada mana-mana PBT di dunia ini yang boleh membersihkan alam sekitar jika rakyat mengotorkannya sepanjang masa. Apakah dapat PBT menghantar tukang sapu untuk mengutip atau menyapu setiap kali kita membuang sampah. Dan sekiranya seorang daripada kita membuang sampah merata-rata, tidak mungkin pembersihan boleh dibuat oleh pekerja dengan serta merta. Jika setiap seorang daripada kita sedar akan kebersihan dan berasa bertanggungjawab, maka dengan tidak mengotorkan keadaan di sekeliling kita di mana-mana juga kita berada, maka masalah pekerja tidak sempat untuk membersihkan kawasan di

bawah jagaan mereka tidak akan timbul. Tentulah jelas bahawa kebersihan bukan hasil dari kerja menyapu-cuci tetapi lebih bergantung kepada tabiat masyarakat yang suka membuang sampah merata-rata dan menghasilkan sampah. Sebenarnya apa yang diperlukan cuma sedikit sahaja, iaitu tidak membuang sampah di merata-rata melainkan di tempat-tempat yang disediakan.

Oleh itu, saya menyeru kepada semua warga Seberang Perai supaya berkerjasama dengan MPSP dalam menjaga kebersihan di Seberang Perai bagi mencapai visi MPSP iaitu “Menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa untuk didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan.”

Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan dapat mengamalkan Program 4R iaitu, “Rethink”, “Reduce”, “Reuse” & “Recycle” bagi mengurangkan pencemaran alam sekitar terutamanya di Seberang Perai. Tuan-tuan dan puan-puan juga disarankan dapat membuat pengasingan sisa di punca bagi memudahkan proses pengasingan dijalankan sebelum sisa tersebut dikutip dan dibawa ke tapak pelupusan sampah.

Untuk makluman, kadar kitar semula MPSP pada tahun ini sehingga Jun 2012, MPSP telah mencapai 32.87%, dimana adalah lebih tinggi berbanding sasaran yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan iaitu 20% pada tahun 2020. Sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri pula adalah 30%. Sasaran yang ditetapkan telah dicapai oleh MPSP dan saya

berharap kita dapat meneruskan prestasi yang baik ini dan syabas kepada semua pihak yang memberi komitmen di dalam program kitar semula di Seberang Perai.

Yang Berhormat, Y.Bhg. Dato'-Dato', tuan-tuan & puan-puan,

Saya tidak berhasrat untuk berucap lebih panjang lagi tetapi pada kesempatan yang ada ini, ingin saya menarik perhatian dan menyeru kepada semua kakitangan MPSP untuk sentiasa bekerja bersungguh-sungguh, cekap dan efisien dalam merealisasikan halatuju strategik dan dinamik MPSP bagi menjadi sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai kelas yang tersendiri.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua dif-dif jemputan yang sudi meluangkan masa untuk sama-sama menyambut Hari Majlis Yang Ke-38 / 2012.

Sekian, saya sudahi ucapan ini dengan Wabillah hitaufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.

Sekian, terima kasih.